



IKLAN SEWAAN RUANG NIAGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat – Syarikat Tempatan yang berdaftar dan terbuka kepada semua orang awam yang berminat, tawaran adalah seperti berikut :

Bil	Lokasi
1.	BANGUNAN RUMAH SEMBELIH MAJLIS DAERAH TAMPIN LOT 1588 (PT. 386) PM 216, MUKIM REPAH, TAMPIN NEGERI SEMBILAN

***Gambar Seperti Lampiran 2**

Kepada yang berminat, tuan/puan boleh mendapatkan borang permohonan sewaan ruang niaga di kaunter Majlis Daerah Tampin bermula **25 November 2020** dan menghantar kertas kerja (hardcopy) merangkumi cadangan pembangunan, kadar sewaan dan tempoh sewaan yang ingin tuan/puan jalankan. Tuan/puan perlu mematuhi syarat - syarat tawaran sewaan yang telah pihak Majlis Daerah Tampin tetapkan, **syarat – syarat adalah seperti lampiran 1**. Kertas kerja cadangan perlu dihantar sebelum atau selewat – lewatnya pada **31 Disember 2020**. Tarikh tutup tidak lewat dari jam **2.00 petang** pada **31 Disember 2020 (Khamis)**.

Kertas kerja yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Sebarang pertanyaan berkenaan tawaran ini boleh hubungi **En. Ahmad Fitri Bin Salehuddin/ Pn. Noor Saadah Bt Karim** di talian tel. 06-4411601

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH-MUAFAKAT-SEJAHTERA'
'KOMITMEN BERSAMA ASAS KEJAYAAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD HAFIZ BIN MOHD YUSOF)

Setiausaha
b.p Yang Dipertua
Majlis Daerah Tampin

SYARAT – SYARAT PERYEWAAN RUANGAN BANGUNAN KERAJAAN DI KAWASAN TAMAN REKREASI TAMPIN

1. Bangunan serta kawasan di **LOT 1588 (PT. 386) PM 216, MUKIM REPAH, TAMPIN NEGERI SEMBILAN** hanya boleh digunakan sebagai rumah sembelih sahaja.
2. Segala kos baikpulih dan penyelenggaraan Bangunan Rumah Sembelih Tampin dan kawasan sekitar tersebut adalah sepenuhnya dibawah tanggungan pihak penyewa tanpa meletakkan apa – apa tanggungan kos kepada Majlis Daerah Tampin.
3. Sekiranya terdapat modifikasi atau baik pulih pada bangunan, pihak penyewa perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis Daerah Tampin.
4. Perjanjian antara Majlis Daerah Tampin dan pihak penyewa hanya akan berkesan kepada pihak - pihak yang terkandung dalam perjanjian dan pihak penyewa perlu mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa seperti mana perjanjian yang telah ditandatangani.
5. Penyewa tidak boleh membuat sebarang tuntutan kos penyelenggaraan, kos ganti rugi atau apa – apa jenis tuntutan kewangan kepada Majlis Daerah Tampin.
6. Majlis Daerah Tampin boleh pada bila – bila masa yang perlu dan dirasakan sesuai untuk menarik balik kebenaran menduduki bangunan kerajaan ini melalui notis kepada penyewa.
7. Kepada yang berminat sila mengemukakan kertas kerja cadangan pembangunan semasa permohonan dibuat.
8. Tempoh penyewaan adalah 3 + 3 tahun.
9. Tawaran penyewaan ini adalah penyewaan bagi Bangunan Rumah Sembelih Tampin didalam 1 perjanjian

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH-MUAFAKAT-SEJAHTERA'
'KOMITMEN BERSAMA ASAS KEJAYAAN'

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD HAFIZ BIN MOHD YUSOF)

Setiausaha
b.p Yang Dipertua
Majlis Daerah Tampin

Lampiran 2

